KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	13/11/2021 (SABTU)	MUKA SURAT	:	11
JABATAN	:	TNB			

LANGKAH JAGA-JAGA!

TNB kurangkan paras air di tiga empangan skim hidroelektrik

Kuala Lumpur

Tenaga Nasional Berhad (TNB) melakukan persiapan awal menghadapi musim tengkujuh di tiga negeri iaitu Terengganu, Pahang dan Perak dengan mengurangkan paras air di tiga empangan skim hidroelektrik miliknya bagi menampung peningkatan kapasiti air.

Pengarah Urusan TNB Power Generation Sdn Bhd (TNB Genco), Datuk Nor Azman Mufti dalam satu kenyataannya berkata, ketiga-tiga empangan TNB di Tasik Kenyir, Cameron Highlands dan Sungai Perak kini bersedia menakung kapasiti air dari hulu sungai yang dijangka meningkat.

"Proses pelepasan air secara terkawal di empangan hidroelektrik TNB dilaksanakan mengikut prosedur operasi standard (SOP) dengan kerjasama pihak berkuasa tempatan serta agensi berkaitan," katanya.

Menurut Nor Azman, empangan hidroelektrik TNB bukan sahaja untuk menjana elektrik, malah berfungsi sebagai tebatan banjir dengan keupayaan menampung jumlah air hujan yang besar semasa musim tengkujuh.

"Kapasiti empangan TNB menakung air di huluan dapat mengelakkan bencana lebih besar berlaku di kawasan hilir sungai setiap kali musim tengkujuh," katanya.

Beliau berkata, air yang ditakung akan dilepaskan semula secara terkawal ke sungai, seterusnya membantu mengawal banjir di hilir empangan TNB.

Nor Azman berkata, TNB turut mengadakan beberapa siri taklimat persediaan dan koordinasi kecemasan di stesen hidroelektrik bagi meningkatkan kecekapan semua pihak bertindak pada musim banjir.

Beliau turut menasihatkan orang ramai supaya mengutamakan aspek keselamatan, sentiasa berwaspada dan mematuhi arahan pihak berkuasa sekiranya premis mereka dinaiki air.

Jika ada pencawang elektrik ditenggelami air dan operasinya terpaksa dihentikan, penyambungan semula hanya dibuat TNB selepas keadaan selamat.

Bagi sebarang maklumat lanjut mengenai perkhidmatan dan bekalan elektrik, orang ramai boleh menghubungi talian TNB CareLine di 15454 atau Facebook TNB Careline.

"Proses pelepasan air secara terkawal di empangan hidroelektrik TNB dilaksanakan mengikut SOP dengan kerjasama pihak berkuasa tempatan serta agensi berkaitan"

Nor Azman Mufti



HM
13.11.2021_11